

Surat khabar: Utusan Sarawak (Berita Perdana)

Hari/Tarikh: 4/10/2013

Muka surat: 2

Tajuk : Sains Seronok Untuk Dipelajari.

Sains seronok untuk dipelajari

.....
JUMIET NYIREK

KOTA SAMARAHAN, Khamis – Ilmu sains bukan sejenis bidang pengetahuan yang sukar untuk dipelajari sebaliknya ia adalah satu bentuk pendidikan yang sangat menyeronokkan.

Penasihat Sains Aung San Suu Kyi, Profesor Dr Thin Hlaing berkata bidang sains memerlukan seseorang itu mempraktikkan ilmu yang telah dipelajari untuk menghasilkan satu ciptaan bermanfaat kepada semua orang.

Ini kerana sains adalah satu bentuk ilmu pengetahuan yang tidak mempunyai sempadan dan ia amat seronok untuk dipelajari, katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah bertema Bringing Science to the Masses (Mengenengahkan Sains kepada khalayak massa) pada

Persidangan Antarabangsa Kolaraborasi Transnasional dalam Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di sini pagi tadi.

Menurut beliau ilmu sains adalah satu bentuk pengetahuan yang harus dipelajari dengan sendiri dan diminati oleh segenap kelompok manusia.

Beliau berkata kehidupan dan aktiviti yang dilakukan manusia mempunyai hubungan rapat dengan sains seperti pergerakan, tindak balas dan sebagainya.

Justeru, katanya sains sudah berada dalam kehidupan manusia sejak dia dilahirkan dan apa yang perlu dilakukan adalah mempraktikkan ilmu itu dalam skala lebih besar supaya dapat memberi manfaat kepada mereka.

Dr Thin berkata kanak-kanak boleh menjadi duta sains kerana

mereka gemar melakukan aktiviti yang akan memberi keseronokan kepada diri masing-masing.

Oleh itu, katanya minat dan kecenderungan kanak-kanak ini harus dipupuk supaya mereka dapat mengembangkan bakat yang ada.

Beliau berkata terdapat dua cara untuk memupuk minat kanak-kanak dalam bidang sains iaitu melalui pameran dan pendidikan di sekolah.

Beliau menambah dengan mengunjungi pameran seorang kanak-kanak itu akan berpeluang untuk melihat dan mengetahui hasil ciptaan sesuatu dengan penggunaan kaedah sains.

Manakala katanya lagi pendidikan di sekolah akan membolehkan kanak-kanak mempelajari ilmu sains itu secara lebih mendalam.

Dr Thin juga berkata dalam era moden yang sangat kondusif

pengetahuan dalam bidang sains menjadi semakin menarik dengan adanya rangkaian perhubungan berteknologi tinggi.

Ini adalah salah satu hasil pencapaian dalam bidang sains yang telah menghubungkan manusia sejagat dengan satu rangkaian, katanya.

Oleh itu, katanya ia akan membolehkan manusia saling berhubung dan bertukar pendapat melalui alam maya tanpa membuang masa, tenaga dan perbelanjaan bagi menghadiri satu temu janji antara satu sama lain.

Persidangan Antarabangsa Pendidikan STEM telah dirasmikan oleh bekas Naib Canselor Unimas, Profesor Datuk Dr Khairuddin Abdul Hamid.

Selain persidangan STEM turut diadakan adalah Persidangan Pelaburan Antarabangsa Borneo dan Keselamatan Sedunia serta pameran.